



SIARAN MEDIA

PENEMUAN SAINTIFIK PERKUKUH PEMULIHARAAN BIODIVERSITI NEGARA

MELAKA , 6 Mei 2026 – Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menganjurkan Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Tahun 2026 sebagai platform pembentangan hasil penemuan daripada siri ekspedisi saintifik yang dilaksanakan sepanjang tahun 2025 dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (JPN Melaka) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPN Pulau Pinang).

Ekspedisi saintifik ini telah dijalankan di beberapa kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Melaka dan Pulau Pinang, melibatkan pelbagai disiplin merentas sektor seperti flora, fauna, persekitaran fizikal dan ekopelancongan. Penyertaan saintis, penyelidik, agensi kerajaan, institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi serta badan bukan kerajaan telah memperkukuh usaha pengumpulan dan pendokumentasian data biodiversiti negara.

Hasil pembentangan seminar ini merekodkan beberapa penemuan signifikan, termasuk penemuan spesies burung enggang badak (*Rhinoceros hornbill*) berstatus terancam (*Vulnerable*) di Melaka. Selain daripada itu, tiga spesies burung berstatus Hampir Terancam (*Near Threatened*) iaitu burung kunyit bakau (*Aegithina viridissima*), burung daun kecil (*Chloropsis cyanopogon*) dan burung kekicau ekor pendek (*Pellorneum malaccense*) turut direkodkan di Pulau Pinang.

Daripada aspek flora, penemuan spesies flora endemik *Schismatoglottis cordifolia*, spesies liana *Embelia canescens* var. *glabrescens* yang berstatus terancam serta spesies liana jarang ditemui *Dinochloa sipitangensis* membuktikan kekayaan biodiversiti yang masih wujud dalam kawasan HSK. Selain daripada itu, spesies pokok pulau endemik *Alstonia penangiana* turut ditemui di Pulau Pinang.

Penemuan spesies-spesies ini membuktikan bahawa keadaan persekitaran Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Melaka dan Negeri Pulau Pinang masih berada dalam keadaan baik serta berupaya menyokong kemandirian dan taburan spesies biodiversiti walaupun keluasan hutan di kedua-dua negeri ini adalah terhad.

Seminar ini turut menyaksikan pelancaran buku mewah bertajuk *Celebrating 25 Years Forest Frontier Discoveries* sempena penganjuran Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan oleh JPSM sejak tahun 1999. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 50 siri ekspedisi telah dilaksanakan merangkumi pelbagai

ekosistem hutan dan berjaya merekodkan pelbagai penemuan penting termasuk spesies baharu, endemik dan unik.

Penerbitan buku ini diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan sebagai khazanah semula jadi negara, di samping menyokong usaha berterusan dalam memelihara biodiversiti untuk generasi akan datang.

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
6 MEI 2026



Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Tel: 03-2616 4488 | Faks: 03-2692 5657



JPSMOfficial